

**Agong, Permaisuri Hadir Majlis Berbuka Puasa Bersama Warga ATM
Bernama
July 19, 2014**

KUALA LUMPUR, 19 Julai (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah hari Sabtu berkenan menghadiri majlis berbuka puasa bersama pegawai dan anggota Angkatan Tentera Malaysia (ATM) di Masjid Khalid Al-Walid, Jalan Padang Tembak di sini.

Seri Paduka yang tiba pada pukul 6.25 petang turut diiringi Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah.

Hadir sama Menteri Pertahanan Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein.

Turut serta Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Datuk Seri Dr Ismail Ahmad, Panglima Angkatan Tentera Malaysia Jen Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin, dan Panglima Tentera Darat Jen Tan Sri Raja Mohamed Affandi Raja Mohamed Noor.

Selepas berbuka, Seri Paduka berdua menyertai 2,000 jemaah menunaikan solat Maghrib diimamkan Imam Besar Masjid Khalid Al-Walid Mejar Mohd Nizam Datuk Termizi Al-Hafiz.

Tuanku Abdul Halim dan Tuanku Hajah Haminah kemudian menghadiri majlis santapan malam.

Seri Paduka berdua turut berkenan menerima cenderahati daripada Zulkifeli dan isteri, Datin Seri Umi Kalsom Wan Awang.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1054859>